

Sekolah autonomi biar cemerlang

B.H M/S 10 7.4.07

Kecekapan lembaga pengelola antara penentu kejayaan program kluster

Perspektif

Bersama

Saifuddin Abdullah

E-mel: saifuddin61@yahoo.com

INTI PATI

- Pemberian autonomi memberikan sekolah peluang untuk menentukan sasaran yang ingin dicapai sebagai strategi kece-merlangan lebih baik.

wangan daripada ibu bapa dan komuniti.

Kebaikan itu saja tidak memadai untuk melahirkan kecemerlangan diinginkan. Menjadikan autonomi tidak secara automatik menjadikan sekolah berkenaan meningkat kecemerlangannya.

Dari segi kesan sekolah autonomi terhadap prestasi pelajar, ada dua pandangan. Pertama menyatakan bahawa ia membe-

rangka perlu diwujudkan – digelar Kerangka Governans Sekolah Autonomi (KGSA).

KGSA mencakupi lima aspek, iaitu lembaga pengelola sekolah, pihak berkepentingan, pengurusan sekolah, guru dan perundingan pelajar.

Antara lima aspek itu, yang paling mustahak dari segi kepentingan, struktur dan peranannya dan ditambah dengan prioriti

PADA 30 Mac lalu, Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein mengumumkan 30 sekolah pertama dalam pelaksanaan sekolah kluster yang membolehkan sekolah berkenaan mempunyai kuasa autonomi.

Sekolah autonomi berdasarkan idea Hishammuddin itu ialah sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan di bawah program sekolah kluster yang diberikan ruang, kuasa, pengupayaan atau fleksibiliti untuk merancang, melaksana dan memantau program dan kegiatan dalam bidang ditetapkan bagi meningkatkan input, proses dan output pendidikan selaras misi, visi dan objektif sekolah itu.

Bidang diberikan kuasa autonomi itu mencakupi lima perkara, iaitu pengurusan sumber manusia, dana dan tabungan sekolah, pengambilan pelajar, pengajaran dan pembelajaran serta penilaian dan pemeriksaan.

Autonomi diberikan tertakluk kepada pematuhan sekolah terhadap piawaian ditetapkan Kementerian Pelajaran dan pencapaian sekolah berdasarkan indikator prestasi utama (KPI) program dan kegiatan yang dilaksanakan itu.

Sekolah autonomi mula dilaksanakan sebagai dasar kerajaan di negara maju, seperti di Amerika Utara, Eropah, Jepun dan Australia sejak dekad 1980-an.

Falsafah di sebalik pelaksanaannya ialah desentralisasi, iaitu kepercayaan bahawa memberikan sekolah peluang dan ruang secukupnya untuk menentukan sasaran yang ingin dan mampu dicapai sebagai strategi kecemerlangan jauh lebih baik. Ini bersesuaian prinsip penyertaan ibu bapa dan komuniti yang semakin popular mutakhir ini.

Dalam pelaksanaannya, sekolah autonomi berbeza-beza dari segi matlamat dan bentuknya. Mengikut kajian Lakerveld (1997), di Eropah, sekolah diberikan autonomi dalam kombinasi aspek seperti pasaran, normatif, produk, metodologi, organisasi, kewangan dan pemilihan kakitangan. Menurut Data Pendidikan Eropah 2005, ada 44 elemen autonomi yang

- Pemberian autonomi menjadikan sekolah lebih demokratik dan bertanggungjawab, namun tidak memadai untuk melahirkan kecemerlangan sekolah.
- Struktur terurus dan maklumat prestasi antara enam keperluan penting mesti dipenuhi bagi memastikan kejayaan sekolah kluster.
- Penubuhan lembaga pengelola sekolah antara aspek penting dalam memulakan langkah pertama sebagai sekolah autonomi.

wujud di sekolah.

Di negara jiran kita, Singapura juga wujud sekolah autonomi dengan konsep masing-masing. Antara anak emasnya ialah Raffles Girls College yang mempunyai hubungan erat dengan Kolej Tunku Kurshiah (TKC). Di Thailand, Vajiravudh College diberikan taraf autonomi seperti pernah diberikan satu masa dulu kepada sekolah kembarnya di Malaysia, iaitu Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK).

Kini, kedua-dua TKC dan MCKK adalah antara lima Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dalam program sekolah autonomi.

Hujah yang menyokong pelaksanaan sekolah autonomi adalah memberangsangkan. Antaranya, ia lebih demokratik kerana membolehkan guru dan ibu bapa membuat keputusan pada peringkat sekolah, ia lebih relevan kerana keputusan dibuat lebih dekat dengan tempat operasinya dan ini melahirkan dasar dan tindakan lebih sesuai, ia mengurangkan birokrasi kerana keputusan dibuat lebih cepat, ia lebih bertanggungjawab kerana sekolah perlu memikul sendiri keputusannya dan ia mampu meningkatkan sumbangan ke-

rikan kesan positif terhadap prestasi pelajar. Kajian Institut Brookings di Amerika (1990) menyatakan bahawa faktor paling penting mempengaruhi prestasi pelajar ialah organisasi sekolah dan ciri paling kuat mempengaruhi organisasi sekolah ialah autonomi.

Sementara itu, kajian Elizabeth M King et al (2003) menyatakan bahawa walaupun belum ada bukti penyebab (causation) antara sekolah autonomi dengan peningkatan prestasi pelajar, korelasinya memang wujud. Memang wujud peningkatan prestasi pelajar apabila sekolah diberikan autonomi, manakala tidak ada sekolah autonomi mengalami kemerosotan prestasi pelajarinya.

Dari segi penyertaan ibu bapa dan komuniti dalam sekolah autonomi pula, menurut King, ada baik buruknya. Partisipasi mereka dalam kegiatan kokurikulum mendatangkan kesan baik, tetapi partisipasi mereka dalam pengajaran dan pembelajaran hanya akan mengganggu.

Menurut laporan Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) 2005, untuk memastikan kejayaan sekolah autonomi, ada sekurang-kurangnya enam keperluan yang mesti dipenuhi.

Keperluan itu ialah, pengurusan sekolah mesti mempunyai strategi memperkasa kapasiti dan kepemimpinannya, sekolah perlu mempunyai maklumat mengenai prestasinya untuk mengukur kekuatan, kelemahan dan prioriti, sekolah memerlukan struktur terurus dan profesional, Kerajaan Pusat perlu terus memainkan peranan kritikal terutama dari segi pemantauan prestasi sekolah, sekolah perlu mengawal sumber dan pengurusan mesti telus.

Berdasarkan pengalaman itu, perkara paling penting buat masa ini ialah bagi setiap sekolah autonomi kita menggubal kerangka dan sistem governansnya.

Ketika membincangkan pelaksanaan sekolah kluster minggu lalu, kolom ini mencadangkan Model Prestasi Kluster Kecemerlangan (MPKK) dengan satu daripada komponennya ialah autonomi. Bagi pelaksanaan sekolah autonomi pula, satu ke-

dalam memulakan langkah pertama sebagai sekolah autonomi, ialah penubuhan lembaga pengelola sekolah.

Penubuhan lembaga pengelola dibenarkan Akta Pendidikan 1996. Seksyen 53 hingga 63 akta ini memperuntukkan soal surat cara pengelolaan, kuasa menteri, penguurusan institusi pendidikan, pelantikan guru dan pembubaran lembaga pengelola. Jika peruntukan berkenaan tidak memadai, ia perlu ditambah baik.

Lembaga pengelola mesti dibenarkan menggubal sendiri terma rujukan yang jelas untuk dirinya dan untuk setiap satu daripada empat aspek lain itu.

Lembaga pengelola mesti diberikan kuasa membuat dasar sekolah autonomi berkenaan, asalkan ia tidak bertentangan dengan dasar Kementerian Pelajaran. Ia juga berperanan sebagai penghubung antara Kementerian Pelajaran dan sekolah.

Lembaga pengelola bertanggungjawab melantik pengetua atau guru besar, melantik guru dan kakitangan, mengambil pelajar, menentukan kurikulum dan kokurikulum, menyediakan bajet tahunan dan mencari sumber tambahan.

Lembaga pengelola dianggotai semua pihak berkepentingan, iaitu Kementerian Pelajaran, ibu bapa, alumni dan pengetua atau guru besar. Ia boleh juga melantik pihak lain seperti yayasan sekolah, swasta, profesional, akademia dan sebagainya.

Lembaga pengelola mendelegasikan kuasanya kepada pengetua atau guru besar untuk memimpin dan mengurus sekolah, manakala guru dihakupayakan (empowered) untuk tugas pengajaran dan pembelajaran serta pendidikan dan latihan.

Akhirnya, lembaga pengelola mesti memberi peluang bersuara yang selama ini dinafikan kepada konstituen utama sekolah, iaitu pelajar.

Datuk Saifuddin Abdullah adalah Pengerusi Akademi Belia, yang juga bekas Presiden Majlis Belia Malaysia (1998-2002)